

# DR. M: 3

# AMALAN

# BERSAMA

BH 14 APR 1982

KOTA KINABALU,  
Selasa — Datuk Seri  
Dr. Mahathir

Mohamad hari ini menyeru segenap lapisan masyarakat mengisi slogan Kerajaan — Bersih, Cekap dan Amanah — dengan mempraktikkan ketiga sikap tersebut dalam kehidupan sehari-hari.

Perdana Menteri yang tiba di sini untuk lawatan sehari berkata, usaha Kerajaan membina pentadbiran yang bersih, ce-

Oleh AMIN OMAR

kap dan amanah tidak terhad kepada kakitangan Kerajaan sahaja, malah melibatkan semua rakyat.

Setiap rakyat mesti bersikap bersih, mencari kecekapan dan mempunyai amanah, katanya ketika membuka Taman Perumahan Bersatu, sebuah projek Jaya Usaha Bersatu Sendirian Berhad.

Jaya Usaha Bersatu ialah usahasama Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad dan Koperasi Berjaya Berhad.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, slogan Kerajaan tersebut bukannya satu slogan yang kosong tetapi perlu diisi dengan perbuatan yang secocok dengan

semangat slogan itu.

Menghuraikan, bagaimana rakyat boleh mengisi maksud slogan tersebut, beliau berkata, rakyat hendaklah sentiasa bersih dalam segala aspek dan soal itu tidak harus dibebankan kepada bahu Kerajaan.

Penduduk-penduduk Taman Perumahan seharusnya hendaklah menjaga bersih kawasan-kawasan mereka kerana Kerajaan juga berhasrat hendak menjadikan Malaysia sebuah negara yang bukan sahaja stabil, tetapi cantik.

Beliau juga menyeru rakyat supaya rajin bekerja untuk memperoleh kecekapan, kerana dengan adanya kecekapan negara boleh berdikari.

Di Sabah, kata Perda-

na Menteri, rakyat sudah mencapai tahap kecekapan walaupun dalam bidang-bidang tertentu seperti binaan negeri tersebut masih bergantung kepada orang luar.

Beliau mengingatkan kalau terlalu bergantung kepada orang luar rakyat nanti akan menjadi lemah.

Mengenai amanah, Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan tanpa sifat tersebut segala apapun tidak akan dapat dibuat.

## Menyokong

Rakyat mesti menunalkan janji dan tanggungjawab mereka kerana tanpa sifat amanah segala kerja tidak akan mendatangkan kesan.

Beliau yang diberi sambutan hangat oleh penduduk setempat menyatakan kekaguman tentang kepesatan pembangunan di Sabah.

Terdahulu dari itu Ke-

tua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh berkata, rakyat Sabah menyambut baik segala perubahan yang dilakukan oleh Perdana Menteri dan Kerajaan Sabah menyokong penuh seruan Perdana Menteri agar rakyat bekerja keras dan menjadikan Malaysia sebuah negara progresif.

Taman Bersatu adalah sebuah projek rumah murah yang terletak dalam kawasan bandar melibatkan lebih 300 unit rumah.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah di Lapangan Terbang Kota Kinabalu disambut oleh Datuk Harris dan kira-kira 3,000 orang dalam satu upacara yang gilang gemilang.